

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
HARI ALAM SEKITAR PULAU AMAN  
12 DISEMBER 2015 (SABTU), 2.00 PETANG**

---

**Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang**

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri  
Merangkap ADUN Bukit Tambun

**Yang Berusaha Cik Thing Siew Shuen**

General Manager, Penang Green Council

**Yang Berusaha Encik Abdul Halim Bin Atob**

Pengerusi JKKK Pulau Aman

Ketua - ketua Jabatan

Penduduk-penduduk Pulau Aman

Rakan - rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang dan  
salam sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Hari Alam Sekitar Pulau Aman pada petang yang berbahagia ini.

Yang Berhormat dan Para Hadirin sekalian,

2.Seperti yang kita sedia maklum, pulau ini didiami oleh penduduk yang rata-ratanya adalah nelayan. Saya difahamkan di pulau ini terdapat 53 buah rumah dengan anggaran penduduk seramai 270 orang dan terdapat kira-kira 10 buah kedai.Pulau Aman menjadi tarikan pelancong dalam dan luar Malaysia kerana keindahan dan keistimewaan Pulau Aman yang tersendiri.

3.Sebagai sebuah pulau yang terletak di bawah kawasan pentadbiran MPSP, adalah menjadi tanggungjawab MPSP untuk memastikan penjagaan kebersihan secara berterusan dijalankan di pulau ini. Untuk makluman semua MPSP membelanjakan sebanyak RM 6,500.00 sebulan atau RM 78,000 setahun untuk pengurusan sampah kepada JKKK Pulau Aman. Kerja-kerja pembersihan di sini telah dikontrakkan kepada JKKK Pulau Aman sejak tahun 1983 lagi dan kerja-kerja pembersihan dijalankan setiap hari. Manakala jadual pelupusan sisa

pepejal dari tong-tong sampah awam ke Jeti Bukit Tambun dijalankan dengan kekerapan 2 kali seminggu. Walau bagaimanapun saya difahamkan bahawa sekarang kerja mengangkut sampah ke Jeti Bukit Tambun dijalankan setiap hari/2 hari sekali dan purata setiap kali kutipan lebih kurang 2 tong MGB dimana 1 tong bersamaan dengan 250kg. Ini bermakna setiap hari 500kg sampah dijana di sini.

4. Bagi mengurangkan penajaan sampah penduduk Pulau Aman memainkan peranan yang penting. Segenap lapisan penduduk, bermula dari ketua keluarga, surirumah tangga dan segenap isi rumah yang lain merupakan faktor utama dalam mengurangkan penajaan sampah melalui pengasingan sisa dan pengkomposan dalam kalangan masyarakat. Selain menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian ia juga dapat mengurangkan tempat pembuangan sampah haram (darat dan laut) yang secara tidak langsung akan menjadikan Pulau Aman sebuah destinasi pelancongan yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat serta selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

5. Hari Alam Sekitar Pulau Aman, merupakan langkah dan inisiatif yang diharapkan dapat memacu penduduk Pulau Aman khususnya dan para

pelancong amnya, dalam menjadikan Pulau Aman sebuah destinasi pelancongan yang mampan. Majlis juga telah memasukkan nama Pulau Aman di dalam *Seberang Perai Tourist Map* dalam usaha untuk memperkenalkan Pulau Aman kepada pelancong.

Yang Berhormat dan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

6. Program ini dapat membantu MPSP jika ia berjaya dilaksanakan memandangkan Majlis membelanjakan RM8,770,326.72 sepanjang tahun 2014 untuk menguruskan 434,174.59 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya Kos “Tipping Fees” di Pulau Burung, tidak termasuk gaji, kos minyak dan penyelenggaraan kenderaan. Jika ditambah dengan kos ini, penjimatan adalah bertambah ganda. Daripada jumlah tan sampah yang dijana, 233,529.95 tan adalah sisa domestik (lebih daripada 50 % sampah yang dijanakan). Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Oleh itu, kerjasama diantara masyarakat setempat, MPSP dan PGC dalam program-program seperti ini amat dialu-alukan kerana ia membantu mengurangkan penjanaan sisa pepejal atau sampah sarap.

Sebagai makluman semua sehingga November 2015, jumlah beratan sampah yang dihantar ke Tapak Pelupusan Ampang Jajar & Tapak Pelupusan Pulau Burung (termasuk jumlah kitar semula) ialah 664,582.87 tan.jumlah. Berat sampah kitar semula sehingga bulan November 2015 adalah sebanyak 263,777.47 tan iaitu bersamaan dengan 39.69%.

7.Maka besarlah harapan MPSP agar penduduk Pulau Aman boleh bersama-sama MPSP dalam aktiviti 4R bagi mengurangkan penjanaan sampah. Saya juga berharap tiada lagi wujudnya tempat pembuangan sampah haram dan pembakaran terbuka di pulau ini. Jika amalan kitar semula dan pengasingan sisa di punca menjadi amalan harian penduduk tempatan maka Pulau Aman akan kekal lebih bersih, hijau, selamat dan sihat bagi penduduk tempatan serta industri pelancongannya.

8.Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.